

# Pasukan bola keranjang wanita UMS naib johan Masum

DE 22.7.2018 9

KOTA KINABALU: Pasukan bola keranjang wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) memenangi tempat kedua pada kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang diadakan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) pada 15-21 Julai.

Pasukan diketuai oleh kapten Long Wan Lin dengan sokongan daripada Chin Yee Ting, Liong Kum Peik dan Sophia Chiu Hung memberikan tentangan hebat di final menentang pasukan UPM, yang mendapat khidmat pemain kebangsaan, sebelum tewas 9-10.

Terdahulu di peringkat kumpulan, pasukan yang dibimbing oleh warga Czech, Jan Holubac membelaah UTM 18-1 dan UUM 13-4 sebelum meraih kemenangan 15-6 ke atas Unimap di semi final.

Sementara itu, pasukan lelaki UMS hanya berjaya mara ke peringkat suku akhir. – GL Oh



PEMAIN-PEMAIN bersama pengurus pasukan Charles Thomas (kiri) dan Jan.